



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus : SP 5306**

**Nama Kursus : Undang-Undang Kontrak Islam**

**Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah**

**Masa : 3 jam**

#### **Nota :**

Jawab EMPAT soalan dari soalan-soalan berikut dan soalan PERTAMA adalah WAJIB.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Pertama (14 markah)**

- (1) Keadilan merupakan satu-satu prinsip asas dalam muamalah Islam. Jelaskan maksud adil dengan mendatangkan dalil mengenainya dari al-Quran. (4 markah)
- (2) Apakah pengertian gharar menurut Sheikh Wahbah al-Zuhaily. Nyatakan kriteria gharar bersama contoh. (4 markah)
- (3) Bincangkan isu di bawah ini bersama dalil/ alasan
  - (a) Pa ji Mukhri menukar 20 kg beras kabun dengan 20 kg beras Laila dengan Pa ji Osman di mana penyerahan berlaku seminggu selepas akad. (2 markah)
  - (b) Najib menjual motorsikalnya kepada bosku dengan harga \$5,000 tunai. Namun sebulan selepas itu Najib membeli semula motorsikal tersebut dengan harga \$4,000. (2 markah)
  - (c) Pertukaran antara setumpuk kurma mangkal dengan setumpuk kurma masak. (2 markah)

### **Soalan Kedua (12 markah)**

- (a) Jelaskan konsep pelaksanaan gadaian Islam yang telah diamalkan dalam perbankan Islam. (6 markah)
- (b) Bincangkan hukum bagi permasalahan di bawah ini mengikut prinsip Syariah;

- Apakah status kontrak gadaian jika penggadai telah mati namun hutang gadaian masih belum di langsaikan.

(3 markah)

- Penerima gadaian menggunakan gelang emas yang telah digadaikan serta menyewakan nya kepada orang lain.

(3 markah)

### **Soalan Ketiga (12 markah)**

- (1) Prinsip am dalam semua kontrak ialah hendaklah orang yang berkontrak lebih dari seorang tetapi pengecualian di bolehkan dalam keadaan tertentu. Jelaskan syarat dan sebabnya.

(6 markah)

- (2) Bincangkan status kontrak dan isu perundungan dalam senario di bawah ini;

Perundingan melalui telefon telah berlangsung antara Hj Ramli dengan Nazmi iaitu seorang yang berhutang dan di tegah daripada mengurus hartanya. Hj Ramli ingin membeli sebidang tanah yang terletak di Muara yang dimiliki oleh Nazmi. Semasa perundingan berlangsung, Nazmi telah di sapa oleh seseorang yang menyebabkan perundingan terhenti seketika. Lalu Nazmi pun menyatakan kepada Hj Ramli bahawa yang menyapanya tadi itu ialah kawan lamanya yang sudah lama terpisah dan perbualan mereka mula berkisar mengenai kawan lama yang merupakan saudara terdekat Hj Ramli. Di hujung perbualan Nazmi menyatakan bersetuju untuk menjual tanah tersebut dengan syarat tanah tersebut tidak boleh di jual kepada orang lain.

(6 markah)

### **Soalan Keempat (12 markah)**

Bincangkan perbezaan kontrak di bawah ini dan berikan dalil perundangan bagi setiap kontrak;

- (a) Istisna' dan Ijarah (4 markah)
- (b) Mudharabah dan Murabahah (4 markah)
- (c) Khiyar Majlis dan Khiyar Syarat (4 markah)

### **Soalan Kelima (12 markah)**

- (a) Apakah syarat yang digariskan oleh Syarak didalam kes pertukaran barang ribawi dan nyatakan hadis mengenainya. (4 markah)
- (b) Interest dan Murabahah merupakan isu yang sering menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Bagaimanakah cara mengenali perbezaan antara keduanya. (6 markah)
- (c) Riba bukan sahaja berlaku dalam kontrak hutang, bahkan ianya juga boleh terjadi dalam transaksi jual beli. Berikan contoh riba dalam transaksi jual beli. (2 markah)

### **Soalan Keenam (12 markah)**

- (1) Bilakah hukum dua akad di haruskan dan bila pula ianya diharamkan. (4 markah)
- (2) Syarat sah kontrak ialah terselamat dari kecacatan. Jelaskan empat sahaja kecacatan tersebut. (4 markah)
- (3) Huraikan pembahagian kafalah. Bolehkah penjamin mengenakan bayaran keatas orang yang dijaminnya? Jelaskan pendapat ulama mengenainya. (4 markah)